

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMG 212 – Geografi Fizikal**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukan 25 markah.

1. “Komponen atmosfera adalah sangat penting untuk membentuk satu sistem bumi yang lengkap berbanding dengan komponen-komponen yang lain”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(25 markah)
  
2. Bincangkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kadar luluhawa yang berlaku di kawasan beriklim Tropika Lembab.  
(25 markah)
  
3. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang tertentu, jelaskan bagaimana Teori Plat Tektonik dapat membantu dalam memahami pembentukan dan taburan sebahagian besar daripada bentuk bumi yang terdapat di dunia pada hari ini.  
(25 markah)
  
4. Bincangkan bagaimana sungai melakukan hakisan di sepanjang pengalirannya.  
(25 markah)
  
5. Bincangkan bagaimana batuan metamorfik boleh terjadi dan jelaskan ciri-ciri yang terdapat pada batuan ini.  
(25 markah)
  
6. “Iklim merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan tanah di sesuatu tempat”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?  
(25 markah)